



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Rujukan Kami : PT.06051-43/1/(14)

Tarikh : 09 Februari 2021

Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
Me12Pay Digital Sdn Bhd
40000 Shah Alam, Selangor

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN KITAR SEMULA “XUSED-LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI SEKOLAH DI NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH.

Dengan hormatnya surat tuan Ruj.Kami: XU/2021/01/25 bertarikh 25 Januari 2021 mengenai perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan

2. Sehubungan dengan itu, jabatan ini **tiada halangan** untuk pihak tuan berurusan dengan **pihak pentadbir di sekolah** seperti permohonan tuan kepada pihak kami. Kelulusan ini **terhad untuk urusan dengan pentadbir di sekolah** bagi hal-hal yang berkaitan tanpa sebarang unsur paksaan dan implikasi kewangan kepada mana-mana pihak.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan hendaklah berurusan dengan Pegawai Pendidikan Daerah yang terlibat di dalam pelaksanaan program ini serta dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut.

- 3.1. Mendapatkan kebenaran dan kerjasama daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan;
- 3.2. Tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran murid dan guru;
- 3.3. Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.4. Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.5. Segala peraturan yang sedia ada dan sedang berkuatkuasa di sekolah hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- 3.6. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.7. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.8. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;

- 3.9. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat berpakaian untuk memasuki sekolah kerajaan seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.10. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.11. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.12. Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar yang sedang berkuat kuasa.

4. Untuk makluman, pihak sekolah hendaklah mematuhi Garis Panduan Standard Operasi Prosedur (SOP) Melindungi Masa Instruksional (MMI) dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pihak jabatan mencadangkan supaya program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan.

5. Kelulusan ini (**Kebenaran Untuk Melaksanakan Kitar Semula "Xused-Learn & Earn" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) Di Sekolah Di Negeri Terengganu Bagi Tahun 2021 Dengan Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah**) hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2021**.

6. Pihak tuan hanya dibenarkan untuk melaksanakan program ini apabila Negeri Terengganu berada di bawah zon Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan mematuhi arahan dan Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai covid-19 yang sedang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

"Mendepani Pendidikan Global"

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI ABDUL MUTE BIN NGAH)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pengurusan Sekolah

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

sk

1. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan
62604 Putrajaya.
2. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu